



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld.3 (07)
Tarikh : 19 Jun 2025

SENARAI EDARAN

YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' / YAA Dato' / YH Dato' / Tuan/ Puan,

PEKELILING PERBENDAHARAAN PK 2.4 RUNDINGAN TERUS

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' / YAA Dato' / YH Dato' / Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato' / YAA Dato' / YH Dato' / Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri telah bersetuju mengguna pakai pekeling perolehan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Namun ianya tertakluk kepada arahan/ kawalan dalaman yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Perolehan secara rundingan terus hendaklah mengikut tatacara sebagaimana yang digariskan dalam PK 2.4 Rundingan Terus dengan penambahbaikan seperti berikut:

- i. Kajian pasaran seboleh-bolehnya dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembuat/pembekal/kontraktor tempatan supaya harga bekalan, perkhidmatan dan kerja yang hendak diperolehi adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan Negeri. Pembuat/pembekal/kontraktor tempatan berdaftar dengan Kementerian Kewangan atau CIDB dan beralamat di Negeri Pahang. Sekiranya bilangan di negeri tidak mencukupi, pembuat/pembekal/syarikat di negeri berhampiran/ sempadan boleh dipelawa. Dalam hal ini, **surat pelawaan hendaklah dikeluarkan kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berkelayakan bagi mengemukakan sebut harga kepada jabatan;**
- ii. Kaedah pelawaan bagi tujuan tersebut hendaklah dilaksanakan sama ada secara elektronik atau melalui pos berdaftar, pos laju, serahan tangan, faksimili atau e-mel;
- iii. Bagi perolehan bekalan/perkhidmatan yang sukar ditentukan harga pasaran, harga pembelian lampau boleh digunakan untuk perbandingan;
- iv. Kajian pasaran tidak perlu jika harga barangan/perkhidmatan mempunyai harga kawalan atau telah ditetapkan seperti gula, tepung, minyak masak dan sebagainya. Bagi barangan yang tidak boleh ditawarkan menawar seperti barangan di pasaraya juga tidak memerlukan kajian pasaran;


- v. Agensi hendaklah memastikan bahawa pembekal yang dipilih memiliki lesen/permit berkaitan bagi bidang khusus yang memerlukan lesen/permit mengikut peruntukan undang-undang seperti lesen daripada Kementerian Dalam Negeri untuk perkhidmatan kawalan keselamatan, lesen farmasi daripada Kementerian Kesihatan bagi bekalan ubat dan sebagainya; dan
- vi. Perolehan hendaklah tidak tertumpu kepada syarikat tertentu. Syarikat lain juga hendaklah diberi peluang untuk menyertai perolehan Kerajaan Negeri.

3. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' Indera/ Sahibus Samahah Dato'/ YAA Dato'/ YH Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI FADZILLA BIN HAJI SALLEH, DSAP., DIMP., SMP., AAP)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR